

**PROSEDUR KEBENARAN MENGAJAR AGAMA ISLAM
MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2022**

SUSUNAN PROSEDUR-PROSEDUR

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Prosedur-Prosedur

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA PENTAULIAHAN MENGAJAR AGAMA ISLAM

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Keanggotaan Jawatankuasa
5. Kuasa dan Fungsi Jawatankuasa

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA PENTAULIAHAN GURU AGAMA ISLAM WARGA ASING

6. Penubuhan Jawatankuasa
7. Keanggotaan Jawatankuasa
8. Kuasa dan Fungsi Jawatankuasa

BAHAGIAN IV

MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DSB

- 9.** Mesyuarat Jawatankuasa
- 10.** Kuorum
- 11.** Notis
- 12.** Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat
- 13.** Minit Mesyuarat
- 14.** Elaun

BAHAGIAN V

KEBENARAN MENGAJAR AGAMA ISLAM

- 15.** Permohonan Kebenaran Mengajar
- 16.** Penaja GAIWA
- 17.** Kelayakan Untuk Kebenaran Mengajar
- 18.** Penilaian Kebenaran Mengajar
- 19.** Kategori Kebenaran Mengajar
- 20.** Daftar Tauliah Mengajar
- 21.** Kewajipan Pemegang Kebenaran Mengajar

BAHAGIAN VI

PEMBATALAN KEBENARAN MENGAJAR AGAMA ISLAM

- 22.** Pembatalan Tauliah Kebenaran Mengajar
- 23.** Kesalahan-Kesalahan

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

- 24.** Kuasa Am
- 25.** Penurunan Kuasa
- 26.** Pengecualian

BAHAGIAN I PERMULAAN

Nama

1. Prosedur-prosedur ini bolehlah dinamakan Prosedur Kebenaran Mengajar Agama Islam- Majlis Islam Sarawak, 2022.

Tafsiran

2. Dalam prosedur-prosedur ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ahli Sunnah Wal Jama’ah” bermaksud bermazhab Syafi’ei, tasawuf al-Ghazali dan akidah al-Asya’irah dan al-Maturidiyyah.

“Daftar” ertinya Daftar Kebenaran Mengajar Agama Islam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah prosedur 20;

“GAIWA” ertinya Guru Agama Islam Warga Asing termasuk warganegara Malaysia dari Semenanjung Malaysia dan Sabah;

“Jabatan” ertinya Jabatan Agama Islam Negeri;

“Jawatankuasa Pentauliahan” ertinya Jawatankuasa Pentauliahan Mengajar Agama Islam yang ditubuhkan di bawah prosedur 3;

“Jawatankuasa GAIWA” ertinya Jawatankuasa Pentauliahan Guru Agama Islam Warga Asing;

“Jawatankuasa-jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Pentauliahan dan Jawatankuasa GAIWA;

“Kebenaran mengajar” ertinya Tauliah Kebenaran Mengajar Agama Islam atau Sijil Tauliah Mengajar Agama Islam yang dikeluarkan oleh Majlis;

“Majlis” ertinya Majlis Islam Sarawak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 (1) Ordinan;

“Mengajar” ertinya mengajar apa-apa perkara atau rukun undang-undang Islam termasuk ceramah, kuliah, tazkirah, forum, taklimat, dialog, khutbah, tausiyah atau apa-apa aktiviti yang melibatkan penyampaian ajaran agama Islam di mana-mana tempat atau mengajar apa-apa pengajaran di masjid dan surau melalui apa-apa medium termasuk atas talian; dan

“Ordinan” ertinya Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [Bab 41]

“Setiausaha Majlis” ertinya Setiausaha Majlis Islam Sarawak yang dilantik di bawah Seksyen 23, Ordinan

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA PENTAULIAHAN MENGAJAR AGAMA ISLAM

Penubuhan Jawatankuasa

3. Maka hendaklah ditubuh bagi maksud prosedur ini oleh Majlis, satu Jawatankuasa Pentauliahan Mengajar Agama Islam untuk membantu dalam pengurusan apa-apa perkara yang berhubungan dengan kebenaran mengajar Agama Islam di negeri Sarawak.

Keanggotaan Jawatankuasa

4. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut yang hendaklah dilantik oleh Majlis:

- (a) Setiausaha Majlis sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Pengarah Jabatan sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Pengarah Jabatan Mufti Negeri Sarawak;
- (d) Ketua Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan;
- (e) Ketua Bahagian Pendakwaan Syariah, Jabatan;
- (f) Ketua Bahagian Penguatkuasaan Syariah, Jabatan; dan
- (g) Ketua Bahagian Kemajuan Institusi Masjid, Jabatan.

- (2) Setiausaha Jawatankuasa
- (a) Ketua Bahagian Dakwah hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.
 - (b) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa, tetapi tidak berhak mengundi dalam apa-apa isu, perkara atau resolusi di bawah pertimbangan Jawatankuasa.
 - (c) Sekiranya Setiausaha Jawatankuasa tidak ada buat sementara waktu atau tidak berkeupayaan untuk menjalankan tanggungjawabnya, Setiausaha boleh melantik mana-mana orang lain melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Kuasa dan Fungsi Jawatankuasa

- 5.** Kuasa dan fungsi Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:
- (a) membantu dan menasihati Majlis dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan sesuatu kebenaran mengajar;
 - (b) menetapkan apa-apa terma, syarat dan sekatan bagi pengeluaran sesuatu kebenaran mengajar;
 - (c) melulus, mengeluarkan dan memperbaharui sesuatu kebenaran mengajar;
 - (d) menggantung atau membatalkan mana-mana kebenaran mengajar yang telah dikeluarkan; dan
 - (e) melaksanakan apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa yang berhubung dengan kuasa dan fungsi Jawatankuasa.

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA PENTAULIAHAN GURU AGAMA ISLAM WARGA ASING

Penubuhan Jawatankuasa

6. Maka hendaklah ditubuh bagi maksud prosedur ini oleh Majlis, satu Jawatankuasa Pentauliahan Guru Agama Islam Warga Asing untuk membantu dalam pengurusan apa-apa perkara yang berhubungan dengan kebenaran mengajar Agama Islam bagi GAIWA di negeri Sarawak.

Keanggotaan Jawatankuasa

7. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut yang hendaklah dilantik oleh Majlis:

- (a) Yang Dipertua Majlis sebagai Pengerusi;
- (b) Mufti Negeri Sarawak sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Pengarah Jabatan Mufti Negeri;
- (d) Peguam Besar Negeri;
- (e) Pesuruhjaya Polis Sarawak;
- (f) Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Sarawak; dan
- (g) Pengarah Unit Pengurusan Imigresen dan Buruh , Jabatan Premier Sarawak

(2) Setiausaha Jawatankuasa

- (a) Pengarah Jabatan hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.
- (b) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa, tetapi tidak berhak mengundi dalam apa-apa isu, perkara atau resolusi di bawah pertimbangan Jawatankuasa.

Kuasa dan Fungsi Jawatankuasa

- 8.** Kuasa dan fungsi Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:
- (a) membantu dan menasihati Majlis dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan sesuatu kebenaran mengajar bagi GAIWA;
 - (b) menetapkan apa-apa terma, syarat dan sekatan bagi pengeluaran sesuatu kebenaran mengajar bagi GAIWA;
 - (c) Membuat perakuan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi sokongan kelulusan Pas Lawatan Ikhtisas;
 - (d) melulus, mengeluarkan dan memperbaharui sesuatu kebenaran mengajar bagi GAIWA;
 - (e) menggantung atau membatalkan mana-mana kebenaran mengajar yang telah dikeluarkan bagi GAIWA; dan
 - (f) melaksanakan apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa yang berhubung dengan kuasa dan fungsi Jawatankuasa.

BAHAGIAN IV

MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DSB

Mesyuarat Jawatankuasa

- 9.** (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Setiausaha atas arahan Pengerusi.
- (2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa, walau bagaimanapun jika Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut.
- (3) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau sebagaimana dikehendaki oleh Pengerusi mengikut keperluan.

(4) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dengan cara undian dan jika terdapat persamaan undi, pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.

Kuorum

10. Empat (4) orang anggota Jawatankuasa hendaklah membentuk kuorum mesyuarat.

Notis

11. Notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari hendaklah diberikan mengenai mana-mana mesyuarat, tetapi Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa terdapat keperluan segera untuk memanggil sesuatu mesyuarat, mengarahkan supaya kehendak notis tujuh (7) hari itu diketepikan.

Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat

12. Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat dan mengambil bahagian dalam pertimbangan Jawatankuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi tidak berhak membuat keputusan.

Minit Mesyuarat

13. (1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyebabkan semua minit mesyuarat disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya, dan tiap-tiap kali mesyuarat, minit mesyuarat yang sebelumnya hendaklah dibaca dan disahkan tertakluk kepada pindaan, jika ada.

(2) Semua minit mesyuarat hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi.

Elaun

14. Tiap-tiap anggota Jawatankuasa termasuk Setiausaha atau mana-mana orang lain yang hadir dan panel penilaian, boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

BAHAGIAN V
KEBENARAN MENGAJAR AGAMA ISLAM

Permohonan Kebenaran Mengajar

15. (1) Permohonan kebenaran mengajar hendaklah dikemukakan menggunakan borang yang ditetapkan dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- (a) Salinan Kad Pengenalan/ Pasport;
- (b) Gambar terkini pemohon berukuran pasport;
- (c) Salinan sijil pengajian Islam tertinggi (jika ada);
- (d) Salinan sijil yang berkaitan bidang kelayakan (jika ada);
- (e) Tauliah Mengajar/ Berceramah daripada Pihak Berkuasa Agama Negeri lain (jika ada); dan
- (f) Perakuan dari mana-mana institusi (jika ada).

(2) Tertakluk kepada sub-prosedur (1) permohonan kebenaran mengajar GAIWA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen tambahan berikut:

- (a) Surat tawaran kerja daripada penaja yang mengandungi maklumat tempoh perkhidmatan, gaji, tempat berkhidmat, skop tugas, jadual pengajaran dan pelajaran yang hendak disampaikan;
- (b) Kontrak perkhidmatan antara penaja dengan GAIWA yang dimatikan setem hasil;
- (c) *Personal Bond* yang dilengkapi oleh penaja dengan kadar yang termaktub dalam Jadual *Bond* Jabatan Imigresen Malaysia yang dimatikan setem hasil;
- (d) Laporan kesihatan yang diperakui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menggunakan borang yang ditetapkan;
- (e) Penilaian Prestasi GAIWA menggunakan borang yang ditetapkan (bagi permohonan pembaharuan sahaja).

(3) Permohonan baharu dan lanjutan kebenaran mengajar yang lengkap hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum mengajar.

(4) Walau apapun sub-prosedur (3), permohonan baharu dan lanjutan kebenaran mengajar bagi GAIWA yang lengkap hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya seratus lapan puluh hari (180) hari sebelum mengajar.

Penaja GAIWA

16. Mana-mana permohonan kebenaran mengajar GAIWA hendaklah ditaja oleh mana-mana organisasi yang sah di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia yang dibenarkan oleh Jawatankuasa GAIWA.

Kelayakan Untuk Kebenaran Mengajar

17. Seseorang yang hendak memohon kebenaran mengajar agama hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :

- (a) Beragama Islam dalam kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (b) berumur dua puluh satu (21) tahun dan ke atas semasa permohonan dibuat;
- (c) sempurna akal;
- (d) berakhlak mulia; dan
- (e) mempunyai pengetahuan Agama Islam atau apa-apa kelayakan lain yang sesuai.

Penilaian Kebenaran Mengajar

18. Jawatankuasa-jawatankuasa bolehlah melantik satu panel penilaian bagi tujuan menilai permohonan kebenaran mengajar sama ada secara ujian bertulis atau temuduga atau apa-apa cara yang difikir munasabah.

Kategori Kebenaran Mengajar

19. (1) Jawatankuasa-jawatankuasa bolehlah melulus dan mengeluarkan kebenaran mengajar dalam bentuk yang telah ditetapkan untuk satu tempoh tidak melebihi lima (5) tahun kepada pemohon yang berkelayakan untuk mengajar di sesuatu tempat berdasarkan kategori berikut:

- (a) Kategori I - Mengajar Agama Islam
Bidang : Aqidah, Fiqh (Ibadah, Munakahat, Muamalat, Jinayat), Tasawwuf, Ulum Al-Quran, Tafsir Al-Quran, Hadis, Sirah dan Ruqyah
- (b) Kategori II - Ceramah Agama
- (c) Kategori III - Mengajar Bacaan Al-Quran
Bidang : Asas Bacaan Al-Quran (*Ibtida'ie*), Tajwid, Tarannum, Qiraat (*Sab'ah/ 'Asyarah*) dan Al-Quran Braille
- (d) Kategori IV - Membaca Khutbah;
- (e) Kategori V - Asas Fardhu Ain;
- (f) Kategori VI - Motivasi Agama;
- (g) Kategori VII - Guru Agama Islam Warganegara Asing;
- (h) Kategori VIII - Kelas Bimbingan Saudara Kita; dan
- (i) Kategori IX - Khas (tertakluk kepada kepakaran pemohon).

(2) Setiap pemegang kebenaran mengajar tidak boleh mengajar selain daripada kategori dan tempat yang dibenarkan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar prosedur 19 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali

Daftar Tauliah Mengajar

20. (1) Jawatankuasa-jawatankuasa hendaklah mendaftar kebenaran mengajar di dalam bawah prosedur 19 di dalam Daftar yang mengandungi maklumat berikut:

- (a) Nama orang yang diberikan kebenaran mengajar;
- (b) Nombor kad pengenalan atau pasport;
- (c) Kelayakan;
- (d) Alamat surat-menyurat;
- (e) Kategori kebenaran mengajar yang dilulus;
- (f) No. Tauliah;
- (g) Tempoh sah sijil kebenaran mengajar; dan
- (h) apa-apa butiran lain sebagaimana yang diarahkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa dari semasa ke semasa.

(2) Pemegang kebenaran mengajar boleh memohon untuk membuat perubahan atau pembetulan butiran di dalam Daftar dengan apa-apa cara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa.

(3) Ketua Bahagian Dakwah Jabatan hendaklah menyenggara dan menyimpan Daftar secara kekal di suatu tempat dalam jagaan yang selamat.

Kewajipan Pemegang Kebenaran Mengajar

21. Pemegang kebenaran mengajar hendaklah membawa bersama kebenaran mengajar dan menunjukkannya kepada pihak yang berkenaan apabila dikehendaki berbuat demikian.

BAHAGIAN VI
PEMBATALAN KEBENARAN MENGAJAR AGAMA ISLAM

Pembatalan Tauliah Kebenaran Mengajar

22. Jawatankuasa-jawatankuasa boleh menggantung atau membatalkan kebenaran mengajar jika ia berpuashati bahawa pemegang kebenaran mengajar:

- (a) gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah prosedur-prosedur ini;
- (b) melanggar mana-mana peruntukan prosedur-prosedur ini, sama ada telah ada pendakwaan terhadap kesalahan itu atau sebaliknya;
- (c) mengajar agama Islam yang mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau provokasi bagi membangkitkan perasaan benci terhadap kerajaan persekutuan atau negeri atau membuat sangkaan buruk dan menimbulkan permusuhan kaum;
- (d) berkelakuan mencemarkan imej agama Islam;
- (e) disabitkan apa-apa kesalahan jenayah;
- (f) didapati tidak siaman atau tidak mampu untuk melaksanakan tugas-tugasnya; atau
- (g) apa-apa alasan yang difikirkan munasabah oleh jawatankuasa-jawatankuasa dari semasa ke semasa.

Kesalahan-Kesalahan

23. (1) Mana-mana orang yang telah diberikan kebenaran mengajar adalah dilarang, semasa mengajar, melakukan perkara-perkara berikut:

- (a) mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran mengenai Tauhid yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah kecuali bagi tujuan untuk pengenalan, ciri-ciri dan bahaya ajaran yang bertentangan dengan ajaran tersebut;

- (b) mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran mengenai Fekah yang bertentangan dengan pegangan dan fahaman dalam Mazhab Syafie dan Fatwa semasa yang berkuatkuasa kecuali bagi tujuan perbandingan;
 - (c) menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan yang tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (d) menyentuh apa-apa perkara berhubung dengan kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertua Negeri;
 - (e) menyentuh isu-isu sensitif dan politik;
 - (f) menyentuh secara langsung hal-hal peribadi mana-mana individu; dan
 - (g) menghina mana-mana pihak berkuasa agama.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar prosedur 23 (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN VII PELBAGAI

Kuasa Am

24. Walau apapun peruntukan dalam prosedur-prosedur ini, Jawatankuasa-jawatankuasa boleh mengarahkan mana-mana pegawai Majlis atau Jabatan untuk menghentikan serta merta aktiviti mengajar atau majlis yang sedang berlangsung jika sekiranya didapati melanggar syarat-syarat kebenaran mengajar agama Islam yang telah ditetapkan.

Penurunan Kuasa

25. Majlis boleh menurunkan kesemua atau sebahagian kuasa dan fungsi Jawatankuasa-jawatankuasa kepada Setiausaha Majlis.

Pengecualian

26. Walau apapun peruntukan dalam prosedur-prosedur ini, Jawatankuasa-jawatankuasa boleh mengecualikan mana-mana orang dan mana-mana kelayakan daripada pemakaian keseluruhan atau sebahagian prosedur-prosedur ini.

27. Pemakaian prosedur ini berkuatkuasa mulai 01 Mac 2023 bersamaan 08 Syaaban 1444H sehingga mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.

**Arahan
Majlis Islam Sarawak
01 Mac 2023 bersamaan 08 Syaaban 1444H**